



Oleh Md Shukri Shuib

Lembaran baru Palestin selepas 70 tahun dibuli

Pelaksanaan resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) yang berbilang pada 10 September lalu mengenai keputusan membenarkan bendera Palestin dikibarkan bersama bendera negara anggota PBB satu langkah positif dalam hak pendemokrasian global.

Pelaksanaan resolusi pada 30 September lalu adalah satu penghormatan buat pejuang hak asasi serta membuka lembaran dimensi politik antarabangsa yang lebih berorientasikan soal kedaulatan dan kemerdekaan.

Penguatkuasaan pengibaran bendera Palestin sebaris bendera lain anggota PBB di bangunan ibu pejabat PBB akibat sokongan majoriti negara dunia terhadap hak negara berkenaan untuk terus dihormati dunia antarabangsa.

Lambang kedaulatan

Ini bukan hanya soal kibaran bendera, signifikannya ia satu lambang kedaulatan dan peningkatan maruah perjuangan Palestin yang sentiasa dibuli dan dinafikan hak kewujudannya selama ini oleh bukan sahaja Israel, malah melibatkan sikap prejudis kuasa besar, terutama Amerika Syarikat terhadap kedudukan dan hak Palestin untuk dilayan setara daulatnya dengan negara lain dunia.

Walaupun Palestin sebelum ini dinafikan hak oleh Majlis Keselamatan PBB untuk diiktiraf sebagai sebuah negara akibat kuasa veto Amerika Syarikat pada undian sidang majlis berkenaan, ia tidak mengurangkan semangat juang pemimpin Palestin dan negara penyokong kewujudan wilayah Arab berkenaan.

Tanggungjawab Barat terhadap Yahudi dengan membina sebuah negara bernama Israel di tanah milik Palestin pada 1948 sudah ditunaikan. Tapi ia membawa implikasi besar yang secara jelas satu penganiayaan terang-terangan kuasa besar terhadap hak penduduk Palestin terhadap wilayah yang selama ini menjadi tempat tinggal komuniti Arab. Masyarakat Arab dalam Palestin yang dijajah penjenayah Israel dijadikan seolah-olah pendatang asing di bumi sendiri.

Kediaman dan hak menetap di wilayah Palestin dinafikan, bahkan dijadikan sasaran keganasan tentera rejim ganas Israel. Peristiwa serangan yang tidak sempat oleh Israel adalah produk Barat, terutama beberapa negara Eropah dan Amerika Syarikat

yang tidak boleh dinafikan daripada catatan sejarah dunia.

Sudah tiba masanya negara Palestin dijadikan anggota penuh PBB kerana wilayah berkenaan diiktiraf puluhan negara dunia sebagai sah dengan wujudnya kedutaan dan hubungan diplomatik, termasuk disokong beberapa negara bukan Islam di Eropah dan Latin Amerika serta Afrika dan Asia. Ia harus dijadikan sandaran oleh PBB untuk tindakan lanjutan.

Bukti sokongan majoriti negara dunia terhadap perlunya survival Palestin dipertahankan bukan saja dalam soal kibaran bendera di ibu pejabat PBB di New York, tetapi berkaitan dengan soal peningkatan maruah perjuangan sebuah komuniti untuk bernegara yang mendapat tempat di persada dunia.

Hak Palestin untuk wujud bebas dengan hak sebagai sebuah negara bukanlah ancaman secara fizikal kepada Israel dan Amerika Syarikat. Apa yang menjadi dan dianggap ancaman ialah kebolehan Palestin untuk terus hidup dari segi percaturan diplomasi antarabangsa yang secara strategiknya berjaya membawa Palestin diterima ratusan negara ahli PBB hingga seolah-olah mencabar keputusan dan dasar kuasa besar Amerika Syarikat.

Negara Israel juga bukanlah semua negara dunia mengiktiraf kewujudannya. Daripada keseluruhan 50 lebih anggota Pertubuhan Negara Islam (OIC), semua negara mengiktiraf Palestin walaupun ada yang menjalin hubungan diplomatik dengan negara jenayah Israel. Banyak negara Islam dan dunia yang tidak mengiktiraf kewujudan Israel sebagai negara berdaulat.

Perang diplomasi

Langkah anggota PBB meluluskan bagi pengibaran bendera Palestin di ibu pejabat badan dunia itu lambang betapa jemuanya dunia antarabangsa terhadap kerenah anak manja Washington iaitu Tel Aviv dalam memanipulasikan PBB, dan Majlis Keselamatan badan dunia itu untuk tujuan menjaga survival dan menutup kekejaman negara haram Israel.

Selama ini, mungkin banyak negara dunia berdiam diri kerana memikirkan keperluan strategi mereka untuk sentiasa bersama dengan dasar luar Amerika Syarikat, tetapi kini dengan dunia yang lebih terbuka, ia membawa kesan kemanusiaan yang tinggi

dengan penghayatan derita komuniti Palestin tanpa layanan sebagai sebuah negara.

Wajib diselamatkan

Saya berbangga kerana majoriti negara dunia tanpa mengira sentimen agama kini sudah mula mengorak langkah rasional terhadap isu diskriminasi manusia dan negara seperti yang berlaku pada Palestin yang dizalimi secara konsisten oleh Tel Aviv.

Palestin wajib diselamatkan daripada terus dibuli oleh sekutu kuat Washington, China dan Russia yang juga anggota tetap Majlis Keselamatan PBB dilihat lebih pro-Palestin dan menghormati hak Palestin sebagai sebuah negara dibandingkan sifat kontra rejim Washington, London dan Paris.

Selain peristiwa penetapan hak bendera Palestin wajib diletakkan sebaris bendera berdaulat negara anggota PBB lainnya, dunia dan Malaysia harus terus tegas untuk menjana lain-lain peristiwa yang positif buat keselamatan komuniti Palestin. Isu kepungan rejim ganas Israel ke atas wilayah Gaza harus menjadi tema utama dunia bagi menundukkan Washington supaya mendesak rejim zalim Tel Aviv tidak mencampuri urusan Palestin.

Pengembalian tanah milik wilayah Palestin yang dijajah secara rakus oleh rejim zalim Israel harus segera dicari jalan penyelesaian. Langkah menjadikan Palestin sebagai sebuah negara berdaulat tidak harus terhenti dengan peristiwa kibaran bendera negara berkenaan di ibu pejabat PBB semata-mata, ia harus diteruskan sehingga Palestin diperkukuhkan haknya sebagai sebuah negara berdaulat dengan hak pertahanan dan berkerajaan setara negara haram Israel.

Tanggal 30 September tahun ini satu detik bersejarah buat Palestin dan juga negara yang cintakan keamanan dan kedamaian kerana setelah hampir 70 tahun Palestin dibuli dan dihina oleh kuasa besar serta rejim Israel dengan pencabulan hak asasi dan pembunuhan kejam, bendera negara Palestin kini berada sama tinggi dengan kedudukan bendera rasmi negara lain dunia. Tidak mustahil jika langkah menyelamatkan Palestin secara diplomatik ini diteruskan oleh majoriti negara dunia secara konsisten akan membawa kesan yang positif pada masa hadapan.

Penulis Penserah Kanan Pusat Pengajian Antarabangsa UUM